

RTB Sg Kerian legakan penduduk Bagan Serai

PELAKSANAAN fasa awal Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Kerian mula menunjukkan kesan positif mengurangkan kejadian banjir sekali gus melegakan penduduk yang sering terjejas akibat dilanda bencana itu sebelum ini.

Pada masa ini, sebanyak 29 projek tebatan banjir itu sedang giat dijalankan di sepanjang jajaran Sungai Kerian dan Sungai Kurau termasuk kerja-kerja membina dan menaik taraf ban banjir, rumah pam serta struktur-struktur banjir.

Walaupun baharu melepasi fasa awal pelaksanaannya, projek berkenaan yang dijangka siap menjelang tahun 2015 sudah menunjukkan kesan positif mengurangkan kesan banjir terutamanya di sekitar kawasan Kerian dan Bukit Merah.

Ia diakui penduduk beberapa perkampungan di sini yang lega kerana kejadian banjir di kawasan itu tidak seburuk seperti tahun-tahun sebelum ini.

“Jika air naik sekalipun, ia cepat surut dan tidak seteruk banjir yang pernah



HAMIZAN ARPAN

berlaku sebelum ini. Walaupun baru dilaksanakan, projek ini sudah menunjukkan kesan yang amat positif,” kata penduduk Kampung Matang Pasir Beriah, Mohamad Hassan, 58.

Banjir paling serius pernah berlaku di sekitar Kerian ialah pada tahun 1995, 1998, 2003 dan 2006 yang menyebabkan perpindahan beribu-ribu penduduk, kehilangan harta benda, kemusnahan hasil pertanian dan infrastruktur.



NORIZA AWANG

Bagi Noriza Awang, kehidupan penduduk mula tenteram sebaik kerajaan memulakan projek tebatan banjir di sungai berkenaan kerana rata-rata penduduk sudah tidak tahan mengharungi bencana banjir setiap kali musim tengkujuh.

“Pada tahun 2006, kami terpaksa berhari raya puasa dan raya haji dalam keadaan banjir tetapi keadaan sekarang sudah jauh berubah. Sedikit sebanyak,



ISMAIL AHMAD

hati kami lebih tenteram terutamanya pada musim hujan,” katanya yang tinggal di Kampung Beriah, dekat sini.

Seorang lagi penduduk, Ismail Ahmad, 95, memberitahu, sejak ban di laluan Beriah-Changkat Lobak ditinggikan baru-baru ini, kejadian banjir tidak lagi berlaku di kawasan berkenaan.

“Selama 14 tahun duduk di sini, ini adalah tahun pertama kampung kami tidak dilanda banjir. Perkembangan ini benar-benar melegakan penduduk,” katanya.

Peniaga kedai makan, Hamizan Arpan, 52, berkata, jika diikutkan pengalaman lalu, ramai penduduk di sekitar Bukit Merah akan dipindahkan setiap kali musim tengkujuh tetapi ia tidak berlaku tahun ini.

“Bagi saya, ini adalah kesan daripada pelaksanaan fasa awal projek tebatan banjir di sini. Harap selepas siap nanti, kawasan ini lebih maju kerana pelabur takut hendak datang jika selalu berlaku banjir,” ujarnya.